



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (17) dlm.BPFK/02/5/1.3
Tarikh : 13 OCT 2003

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Tuan,

Perkara : Label Amaran Tentang Penggunaan Bahan *Chelidonium majus*.

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 151 yang telah diadakan pada 2hb. Oktober 2003 mengenai perkara di atas.

2. Pihak PBKD telah memutuskan agar label amaran tentang penggunaan bahan *Chelidonium majus* diletakkan pada label bagi produk-produk yang mengandungi bahan tersebut. Ini adalah kerana bahan tersebut telah dikaitkan dengan kerosakan hepar (hati).
3. Oleh yang demikian, bagi produk yang mengandungi bahan tersebut, amaran ini perlu cetak dalam dua bahasa (Bahasa Malaysia DAN Bahasa Inggeris) pada label produk.
Bahasa Malaysia:
"Amaran : Produk ini mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan pada hepar (hati)."
Bahasa Inggeris:
"Warning : This product may cause adverse reaction to the liver"
4. Sehubungan dengan ini, para pemegang pendaftaran adalah diingatkan agar mematuhi keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" UTAMAKAN KUALITI , EFIKASI , DAN KESELAMATAN "

Saya yang menurut perintah,


(EISAH BT. A. RAHMAN)

Setiasaha
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k.
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM
 2. Ketua Bahagian BFS
 3. PhAMA
 4. MOPI
 5. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA)
 6. Presiden, Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia
 7. Presiden, Persekutuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (PUTRAMAS)
 8. Presiden, Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
 9. Presiden, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)
 10. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia
 11. Presiden, The Malaysian Society for Complementary Therapists (MSCT)
 12. Presiden, Persatuan Pengimport Ubat Arak Perubatan & Barangan Kesihatan Cina Malaysia